

# DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA    BIODATA    ANUGERAH    PUISI    ANEKDOT    BUKU    GAGASAN DAN TEORI    MEMOIR    HUBUNGI KAMI

July 21, 2009


## PEKERJA DENSO PIKET



ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 9 3 7 5 9  
7

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~




~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~

Pekerja kilang DENSO di kawasan perindustrian Bangi berpiket selama sebulan bermula 13 Julai lalu menuntut pelarasan gaji. Mereka berpiket selepas waktu kerja dengan berkumpul dihadapan kilang dan menaikkan poster serta kain pemidang. Antaranya berbunyi "We want justice don't cheat Malaysian worker", "Kembalikan hak kami", "Majikan untung pekerja lopong" dan "Manapakah prihatin majikan pada pekerja".

Pekerja mendakwa pelarasan gaji dibuat setiap tiga tahun, namun ada antara mereka tidak menikmati sebarang kenaikan dalam tempoh lima tahun. Majikan menjadikan alas an kemelesetan ekonomi global sebagai alas an namun rekod menunjukkan peningkatan terus pengeluaran kilang. Pada tahun 2006 hasil pengeluaran ialah sebanyak RM 191,500 juta sementara pada tahun 2008 adalah sebanyak RM 313,105 juta.

Dr. Shafie Abu Bakar sebagai ADUN Bangi terpanggil membela nasib pekerja dan dalam waktu yang sama terus berusaha memberi galakkan kepada pelabur dari Jepun untuk terus melabur di Bangi. Selepas berjumpa para pekerja beliau turut berjumpa dengan pihak pengurusan memohon penjelasan. Pihak



~TEORI TAKMILAH~

DENSO yang diwakili oleh En. Maeda dan En. Rahman memberikan kerjasama yang cukup baik. Mereka mendakwa memang terdapat penurunan jualan eksport secara keseluruhan sebanyak 40% dan domestic sebanyak 10%. Pihak pengurusan bercadang untuk memberikan kenaikan sebanyak 4.25% namun pihak pekerja memohon sekurang-kurangnya 8%. Dr. Shafie berharap pihak pengurusan dapat menambah sedikit nilai 4.25% itu bagi mengimbangi beban yang perlu ditanggung oleh para pekerja. Pihak pengurusan DENSO berjanji akan meneruskan rundingan dengan wakil pekerja.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [10:07 AM](#)

## No comments:

### Post a Comment

Enter your comment...

---

 Comment as: Syahrul Sazli S


Notify me

Newer Post


Home

Older Post


Subscribe to: Post Comments (Atom)




~PUNCAK RINDU~  
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie  
Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~  
Himpunan penyertaan Pertandingan  
Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar  
Ilmu 2012



~BANGI BANDAR ILMU~



SHAFIE ABU BAKAR

Institut Pendidikan Melayu  
Fakulti Sains Kewajipkan dan Komunikasi  
Universiti Kebangsaan Malaysia